

06 MAY 1996

REAKSI: FMM BERKATA PELAKSANAAN PENTING UNTUK CAPAI SASARAN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) hari ini memuji strategi untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi ia menyatakan pelaksanaan berkesan adalah penting untuk memastikan kejayaan rancangan itu.

Ketua eksekutifnya Tan Keok Yin menyatakan kepada Bernama, untuk itu adalah penting sektor awam dan swasta terus bekerja sama bagi melaksanakan strategi, termasuk membangunkan kemahiran, yang digariskan oleh kerajaan dan juga untuk mempertingkatkan daya saing perusahaan Malaysia.

Oleh itu, FMM akan terus bekerja sama dengan kerajaan dalam menyediakan sektor pembuatan tempatan menyerap teknologi baru dan bersaing dalam arena antarabangsa, kata beliau.

Tan, yang mengulas RMK-7, yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata industri tempatan harus membuat pengeluaran secara besar-besaran.

"Untuk itu, kita perlu memperkukuhkan sektor perindustrian Malaysia dari segi kewangan dan kebolehan teknikal, yang bermakna memerlukan kepada sistem sokongan untuk memastikan perusahaan mempunyai hubungan di hadapan dan di belakang," kata beliau.

Beliau berkata industri tempatan masih lagi beroperasi dengan asas marginal, itulah sebabnya ia memerlukan sistem bantuan untuk mengeluarkan produk dengan lebih banyak dan juga untuk mempertingkatkan kemahiran pemasaran secara global.

"Apa yang penting bagi sistem sokongan seumpama itu adalah untuk memupuk syarikat antarabangsa kepunyaan Malaysia," kata beliau sambil menambah kata syarikat antarabangsa tempatan satu hari nanti diharap berupaya untuk mengkontrakkan pengeluaran barangan mereka di seberang laut.

Untuk itu, beliau menyatakan industri kecil dan sederhana (IKS) mempunyai peranan penting bagi meningkatkan keupayaan dan sebagai nadi yang akan menjadi industri besar yang berorientasikan eksport.

Berkaitan dengan pemindahan teknologi, beliau menyatakan adalah penting bagi syarikat Malaysia sebagai penerima untuk menyerap teknologi baru daripada pelabur asing dengan melabur dalam skim latihan dan kemahiran para pekerja.

Kepada tahap yang tertentu "Kita masih lagi bergantung kepada teknologi asing, itulah sebabnya kita penting membangunkan teknologi asli melalui pelaburan dan melalui penyelidikan, sains dan teknologi," kata beliau.

Berkaitan dengan sasaran kerajaan untuk memperolehi 60 peratus pelaburan tempatan dan 40 peratus pelaburan asing menjelang penghujung tempoh rancangan itu, Tan berkata: "Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada pelaburan asing."

Beliau menyatakan pembangunan industri tempatan adalah penting memandangkan persaingan global yang kian meningkat bagi pelaburan terus asing.

Berkaitan dengan sektor pembuatan, yang disasarkan untuk menyumbang 38 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2000, beliau berkata adalah penting untuk mengembangkan sektor perkhidmatan untuk melengkapi kegiatan pembuatan, yang akhirnya akan menyumbang kepada struktur pembuatan yang bersepadu. -- BERNAMA

MR RIF SIA